

Orang berbudi, kita berbahasa



Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah yang juga Ketua Perlembagaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkenan menyampaikan anugerah menghargai barisan hadapan kepada Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, baru-baru ini.

Oleh Dzulkifli Abdul Razak 25 Mac 2021, 9:00 am

“Orang berbudi, kita berbahasa, orang memberi kita merasa” menggambarkan betapa halus budaya dan adab bangsa Melayu Nusantara. Berlandaskan ‘budi’, mereka membangunkan tamadun yang dibanggakan dari zaman ke zaman walaupun budi tidak mudah dibalas. Bak kata pantun:

Pisang emas dibawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati

Sekalung bunga dihadiahkan dengan ikhlas oleh ketua negara, diiringi lagu negara dikemundangkan berserta air mata berlenang mengenang semula budi yang telah ditaburkan setulus hati.

Amalan seperti ini lazim dilakukan setiap kali berhadapan ulang tahun memperingati gugurnya perajurit tanah air di pelosok dunia saban tahun.

Tidak bezanya dengan wabak Covid-19 dalam memperingati para pejuang di barisan hadapan pada 18 Mac lalu, genap setahun pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Mereka juga telah meletakkan nyawa di hujung tanduk apabila berhadapan musuh tidak dijangka.

Bagaimanapun, bezanya tarikh 18 Mac agak dingin dalam mengimbuai pengalaman ngeri serangan Covid-19. Baik bagi perseorangan atau keluarga mahupun masyarakat, apalagi negara serta dunia. Begitu juga bagi institusi tidak kira awam atau swasta, besar atau kecil, mahupun setempat atau bertapak dunia. Umumnya, tidak sesiapa pun yang tidak terkesan secara mendalam menelusuri serba-serbi berkaitan perjalanan hidup sehingga terwujud ungkapan norma baharu, seolah-olah yang lama tidak lagi sesuai atau berkenaan. Jika peperangan melibatkan musuh-musuh ‘biasa’ dan norma baharu agak terhad dan tidak berkekalan, bagi Covid-19 kedudukannya berlainan sekali. Ringkasnya, pengalaman berdepan Covid-19 tidak boleh diambil ringan atau ditolak ke tepi begitu sahaja atas apa juga sebab atau tujuan, sedar atau tidak. Oleh itu, kedinginan 18 Mac tidak dapat difahami, apa lagi untuk diceritakan.

Orang yang telah banyak berbudi sehingga ada yang menggadai nyawa tidak mendapat perhatian sewajarnya. Mengapa? Ini menjadi persoalan ramai khususnya yang kehilangan insan disayangi.

Namun, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) tidak teragak-agak untuk memperingati apa yang telah dilaluinya, baik atau buruk walaupun umumnya agak terkawal dan membina.

Atas dasar ini, UIAM bersungguh-sungguh untuk berbuat sesuatu biar sebesar hama sekali pun, kerana berdiam diri, berpeluk tubuh tidak langsung menggambarkan kehalusan budaya Melayu, apa lagi disaluti nilai-nilai Islam bagi mewarnai jiwa membalas budi para barisan hadapan. Antara langkah yang diambil adalah anugerah tertinggi universiti kepada perancangan dan percaturan yang dilakukan berdasar fakta dan ilmu khususnya melibatkan para profesional diketuai oleh Ketua Pengarah Kesihatan sendiri. Berserta bala tentera barisan hadapan yang tidak kurang profesionalnya, termasuk anggota polis dan tentera, masing-masing memberi sepenuh perhatian terhadap tindakan menabur budi. Itu pun tanpa ada had masa dan ketika dalam menghadapi musuh tidak berupa.

MURAL

Maka UIAM menghargai jasa mereka dengan Anugerah Merit Ibn Khaldun bagi Transformasi Sosial peringkat global, tepat pada hari ulang tahun pertama PKP, 18 Mac lalu. Ini diserikan lagi dengan keberangkatan tiba Raja Permaisuri Agong selaku Ketua Perlembagaan UIAM yang berkenan untuk berangkat mencemar duli menyampaikan anugerah tersebut dalam satu majlis penuh bererti.

Selain itu, UIAM tidak melupakan juga para barisan hadapan Kementerian Pengajian Tinggi diketuai oleh menteri sendiri yang turut diiktiraf pada hari tersebut. Sedangkan bagi para barisan hadapan di UIAM sendiri, sebuah mural gergasi dilukis oleh para pelajar yang menceriterakan adegan penting dalam menangani wabak Covid-19 selama setahun sehinggalah hari ini. Setiap satu adegan mengimbau apa yang berlaku bagi membantu sesiapa sahaja selaras dengan #kitajagakita. Natiujahnya adalah untuk mewujudkan rasa muafakat ke arah rahmatan lil alamin.

SAKURA

Semoga mural tersebut menjadi bayangan minda setiap warga kampus jauh dan dekat dalam mendampingi masyarakat yang memerlukan. Ini diperingatkan lagi dengan sebuah 'gubahan seni' berbentuk Covid-19 diperbuat daripada besi waja oleh warga UIAM sebagai simbol ketabahan serta kecekalan yang suci dalam memenuhi amanah untuk menegakkan sebuah masyarakat kental, bertanggungjawab lagi bermaruah tinggi bak sanjungan budaya Melayu serta nilai-nilai Islam. Terletaknya gubahan itu di hadapan bangunan Wadi Budi menyatakan hasrat sealiran dengan maksud, orang berbudi, kita berbahasa yang tidak putus-putus sehingga sepanjang hayat.

Semua ini berlangsung serentak dengan Minggu Sejahtera untuk memberi ketenangan jiwa raga dalam menghadapi apa jua cabaran mendatang khususnya isu-isu kesihatan mental. Juga mencetuskan harapan bagaikan kembangnya bunga pepohon Tekoma (bunga Sakura) yang menyerikan lagi suasana kampus pada waktu sama.


Rangkaian kesemua peristiwa ini mengabadikan lagi makna dan maksud sejahtera sebagai satu benteng semula jadi seorang budiman yang celik hati dan juga akal. Yakni sebagai seorang insan sejahtera umpama tumbuhnya sebuah pohon yang dikiaskan dalam al-Quran, surah Ibrahim, ayat 24 hingga 27.

Pendek kata, wabak Covid-19 memberi seribu satu keinsafan kepada UIAM khususnya dan Malaysia amnya yang wajar diangkat untuk lebih mara ke hadapan tetapi mesti pandai mengenang budi.

Profesor Emeritus Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak ialah Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

BERITA SELANJUTNYA


by



SPRM tahan
pengurus...

Hanya dua ADUN
tentukan nasib...


Penolong
Pegawai...



Direka untuk
memberikan kul...

Jagalah adab di
alam maya

Maritim Malaysia,
Vietnam atasi is...



Fakta sejarah
perlu ditulis...

- Utusan Digital

Vaksin satu dos,
CanSino untuk...



POPULAR



Tapaw tawar peluang perniagaan

7 April 2021, 3:39 pm



700 peneroka gesa kaji semula pajakan tanah

7 April 2021, 3:36 pm



Fitnah KSU: Sabahkini2 berdepan tindakan undang-undang

7 April 2021, 3:35 pm



Keluarga angkat cari ibu kandung Chinta Tiara Leona


7 April 2021, 3:29 pm



**IKLANKAN
PRODUK
ANDA DI SINI**

Utusan
Malaysia **Kosmo!**

Hubungi kami
sales@mediamula.com.my



BERITA BERKAITAN





Di mana suara MCA, MIC?

7 April 2021, 9:00 am



Bimbang wanita 'berwajah jantan'

7 April 2021, 9:00 am



SPR, apa status terkini Undi18?

7 April 2021, 9:00 am





Jangan pertikai status halal vaksin

7 April 2021, 9:00 am



PREMIUM

LANGGANAN

Hak cipta terpelihara © 2021 Media Mulia Sdn. Bhd.

Terma dan Syarat
Hubungi Kami

[Tidak sempat hantar PATI](#)

[Tindakan bakal dikenakan jika gagal guna e-wallet](#)

[Buruh didakwa noda tiga kanak-kanak di pusat jagaan](#)

[Larangan tazkirah semasa terawih perlu dilihat secara positif](#)

[Hina Agong, pemandu e-hailing didenda lagi](#)

[Lagi bintang Bollywood positif Covid-19](#)